

TARIKH	19 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-23	RUANGAN	Nasional

Jemaah haji akan disuntik elak wabak H1N1

KANGAR: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) akan mengambil langkah bersiap sedia berhubung penularan wabak selesema babi atau Influenza A (H1N1) termasuk kemungkinan mewajibkan suntikan vaksin kepada 28,000 bakal haji tahun ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim, berkata tindakan itu akan diambil jika keadaan mendesak atau berlaku jangkitan tidak terkawal membabitkan wabak H1N1 sebelum kumpulan bakal haji pertama berlepas ke Makkah, September depan.

Bagaimanapun, katanya, Tabung Haji tidak boleh melaksanakan tindakan drastik dengan mewajibkan suntikan vaksin kerana keadaan masih terkawal dan kes yang adalah terpercail.

"Saya percaya keadaan masih terkawal dengan langkah pencegahan drastik yang diambil Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, Tabung Haji tetap mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan tahap kesihatan bakal haji berada dalam keadaan baik sebelum berangkat menunaikan ibadat haji.

"Tabung Haji hanya mewajibkan suntikan vaksin bagi mencegah penyakit Meningitis yang perlu dilakukan di hospital ke-

rajaan atau klinik yang disarankan Tabung Haji. Namun, vaksin H1N1 bukan suntikan wajib dan kita akan melihat keperluan untuk berbuat demikian jika keadaan mendesak.

"Ini kerana pemeriksaan kesihatan diwajibkan kepada setiap bakal haji dan ia menjadi syarat wajib haji iaitu mempunyai tubuh badan yang sihat serta memenuhi tahap kesihatan yang ditetapkan Kerajaan Arab Saudi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Jumaat lalu, akhbar ini melaporkan, seramai 21 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kem Dusun Resort Kampung Pisang Jalan Padang Sanai, Kuala Nerang, Kedah dimasukkan ke Hospital Kuala Nerang (HKN) akibat jangkitan wabak H1N1 sejak Rabu lalu.



Tabung Haji tidak boleh melaksanakan tindakan drastik dengan mewajibkan suntikan vaksin kerana keadaan masih terkawal dan kes yang adalah terpercail

Dr Mashitah Ibrahim
Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri